



JABATAN LAUT MALAYSIA

MARINE DEPARTMENT MALAYSIA

Ibu Pejabat Laut, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang

Tel : 03-33467777, Fax : 03-31685289, E-mail : kpgr@marine.gov.my

Webpage : <http://www.marine.gov.my>

**NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA
MALAYSIAN SHIPPING NOTICE**

MSN 07 / 2016

Notis kepada pemilik kapal, agen perkapalan, nakhoda, pelaut, pengusaha pelabuhan dan industri maritim
Notice to shipowners, ship agents, masters, seafarers, port operators and the maritime industry

PERINGATAN MENGENAI KEPERLUAN MANDATORI PERLINDUNGAN INSURANS ATAU JAMINAN KEWANGAN BAGI SEMUA KAPAL YANG BERADA DI DALAM PERAIRAN SEMENANJUNG MALAYSIA, PERAIRAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN DAN/ATAU ZON EKSLUSIF EKONOMI MALAYSIA- AKTA PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN DAN PELUASAN) 2-11 [AKTA A1393]

REMINDER ON THE MANDATORY REQUIREMENT OF INSURANCE COVERAGE OR FINANCIAL SECURITY FOR ALL SHIPS INSIDE MALAYSIA PENINSULAR WATERS, FEDERAL TERRITORY OF LABUAN AND/OR THE EXCLUSIVE ECONOMIC ZONES OF MALAYSIA – MERCHANT SHIPPING (AMENDMENT AND EXTENSION) ACT 2011 [ACT 1393]

**Dokumen berkaitan : Notis Perkapalan Malaysia NPM 4/2014
Related document : Malaysia Shipping Notice MSN 4/2014**

Sila ambil perhatian bahawa keperluan mandatori perlindungan insurans atau jaminan kewangan bagi semua kapal yang berada di dalam perairan Semenanjung Malaysia, perairan Wilayah Persekutuan Labuan dan/atau Zon Eksklusif Ekonomi Malaysia telah mula berkuatkuasa semenjak 1hb Mac 2014 melalui Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 2011 [Akta A1393].

Sila ambil perhatian juga bahawa keperluan mandatori ini juga terpakai kepada semua kapal termasuk kapal Malaysia dan bot berlesen di bawah 300 GT yang beroperasi di dalam perairan yang dinyatakan di atas.

Penguatkuasaan sepenuhnya ke atas keperluan mandatori perlindungan insurans atau jaminan kewangan ke atas semua kapal Malaysia dan bot berlesen akan di jalankan bermula dari

Please be reminded that the mandatory requirement for insurance coverage or financial security for all ships inside Malaysia Peninsular waters, Federal Territory of Labuan and/or the Exclusive Economic Zones of Malaysia has been in force since 1st March 2014 through Merchant Shipping (Amendment and Extension) Act 2011 [Act 1393].

Please also be reminded that this mandatory requirement applies to all ships including Malaysia ships and licensed boats of less than 300 GT operating in waters as described above.

Full enforcement of the mandatory requirement of insurance coverage or financial guarantee on all Malaysian ships and licensed boats shall be carried out with effect from

1hb September 2016 melalui 3 cara utama seperti berikut:

1. Penguatkuasaan secara rambang oleh pihak Jabatan Laut Malaysia dan agensi penguatkuasaan lainnya di dalam kawasan perairan yang dinyatakan termasuk di dalam kawasan pelabuhan dan dermaga;
2. Penguatkuasaan melalui bukti dokumentari semasa permohonan endorsan pelepasan pelabuhan; dan
3. Penetapan sebagai syarat wajib semasa pembaharuan lesen bot.

Sehubungan dengan itu, semua Pemilik dan/atau agen Perkapalan adalah disarankan untuk memastikan keperluan berkenaan dipatuhi sepenuhnya.

Notis ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Notis Perkapalan Malaysia 4/2014 bertarikh 3 Jun 2014.

1st September 2016 through three main methods as follows:

1. Random enforcement by Marine Department of Malaysia and other enforcement agencies in waters as stated including port areas and wharfs;
2. The enforcement through documentary evidences during the application of endorsement for port clearances; and
3. The imposition of mandatory requirements during renewal of boat licenses.

As such, all owners and/or shipping agents are advised to ensure full compliance with the relevant requirements.

This notice should be read together with Malaysia Shipping Notice 4/2014 dated 3 June, 2014.

Pengarah Laut / Director of Marine

Tarikh: 22 Ogos 2016



NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA
MALYSIAN SHIPPING NOTICE

JABATAN LAUT MALAYSIA

MARINE DEPARTMENT MALAYSIA

Ibu Pejabat Laut, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang

Tel : 03-33467777, Fax : 03-31685289, E-mail : kpgr@marine.gov.my

Webpage : <http://www.marine.gov.my>

MSN 04/2014

Notis kepada pemilik kapal, agen perkapalan, Nakhoda, pelaut, pengusaha pelabuhan dan industri maritim
Notice to shipowners, ship agents, Masters, seafarers, port operators and the maritime industry

PENETAPAN TARIKH PERMULAAN PENGUATKUASAKAN AKTA PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN DAN PERLUASAN) 2011 [AKTA A1393]-LIMITATION OF LIABILITY FOR MARITIME CLAIMS 1976 SEPERTI YANG PINDA MELALUI PROTOKOL 1996

APPOINTMENT OF DATE OF COMING INTO OPERATION OF THE MERCHANT SHIPPING (AMENDMENT AND EXTENSION) ACT 2011 [A1393 ACT]- LIMITATION OF LIABILITY FOR MARITIME CLAIMS 1976 AS AMENDED BY PROTOCOL 1996

1. Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 1(2) Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 2011 [Akta A1393], Menteri telah menetapkan 1 Mac 2014 sebagai tarikh Akta ini mula berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Antara lain nya, Akta ini meminda Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 termasuk menguatkuasakan keperluan kontrak insurans atau jaminan kewangan ke atas semua kapal yang memasuki mana-mana pelabuhan di Semenanjung Malaysia atau Wilayah Persekutuan Labuan; atau mana mana perairan Persekutuan; atau kawasan Zon Eksklusif Ekonomi.

2. Mana-mana kapal tidak boleh memasuki, atau meninggalkan kawasan atau perairan seperti yang dinyatakan didalam perenggan 1 diatas melainkan kapal tersebut mempunyai kontrak insurans atau jaminan kewangan lain yang memenuhi keperluan seperti yang dinyatakan didalam dalam *Convention for the Limitation of Liability for Maritime Claims 1976* seperti yang dipinda melalui Prokotel 1996 (yang selepas ini dipanggil sebagai "*Konvensyen itu*") .

1. In exercise of the powers conferred by subsection 1(2) of the Merchant Shipping (Amendment and Extension) Act 2011 [Act A1393], the Minister appoints 1 March 2014 as the date on which the Act comes into force in Peninsular Malaysia and the Federal Territory of Labuan. Amongst others, the Act amended the Merchant Shipping Ordinance, 1952 which includes enforcing the requirements of a contract of insurance or financial security on all vessels entering any port in Peninsular Malaysia or the Federal Territory of Labuan; or any part of Federation waters; or the Exclusive Economic Zone .

2. Any ship shall not enter, or leave an area or waters as stated in paragraph 1 above unless there is in force in respect of the ship a contract of insurance or other financial security satisfying the requirements of the Convention for the Limitation of Liability for Maritime Claims 1976 as amended by Protocol 1996 (hereinafter referred as "*the Convention*").

3. Jika sesebuah kapal disabitkan kesalahan kerana melanggar keperluan ini, nakhoda atau pemilik kapal itu boleh dikenakan denda tidak kurang daripada dua ratus ribu ringgit dan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.

4. Sehubungan dengan itu, semua pihak berkaitan adalah dinasihatkan untuk mematuhi semua kehendak di dalam Konvensyen itu. Dilampirkan bersama-sama ini Jadual Ke Enam Belas, Ordinan Perkapalan Sudagar, 1952 sebagai rujukan.

3. If a ship is found guilty of contravening the said requirements, the master or the owner of the ship shall be liable on conviction to a fine of not less than two hundred thousand ringgit and not more than five hundred thousand ringgit.

4. As such, all related parties are advised to adhere to the requirements of the Convention. Attached herewith is the Sixteenth Schedule of the Merchant Shipping Ordinance, 1952 as reference.

Ketua Pengarah Laut/Director General of Marine

Tarikh : 3 Jun 2014



JABATAN LAUT MALAYSIA
IBU PEJABAT LAUT WILAYAH UTARA
JALAN AKUARIUM
11700 GELUGOR
PULAU PINANG

Tel : 604-6578494/9636
Faks : 604-6575521
Laman Web : www.marine.gov.my
e-mail : pjiwut@marine.gov.my



PEKELILING PELABUHAN NO. 14 TAHUN 2016
PORT CIRCULAR NO. 14 /2016

DARIPADA : PENGARAH LAUT WILAYAH UTARA
From Director of Marine, Northern Region

KEPADA : Nakhoda Kapal, Pelaut, Pemilik / Agen Perkapalan Dan Masyarakat
To Masters, mariners, Ship Owners / Agents and the General Shipping Community

TARIKH : 21 Ogos 2016
Date 21st August 2016

**PENUTUPAN PEJABAT LAUT
DI WISMA PELAUT PULAU PINANG**

Dimaklumkan bahawa Pejabat Laut Pulau Pinang yang terletak di Wisma Pelaut, 1A Lebu Light, 10200 Georgetown, Pulau Pinang akan berhenti beroperasi mulai **31 Ogos 2016.**

Selepas daripada tarikh tersebut, semua perkhidmatan yang disediakan di Pejabat Laut Pulau Pinang akan beroperasi di lokasi baru sepertimana berikut;

Pejabat Laut Pulau Pinang
Jabatan Laut Wilayah Utara
Jalan Akuarium
11700 Gelugor
Pulau Pinang
Tel: 04-6578494/9636
Faks: 04-6575521

**CLOSURE OF MARINE OFFICE
AT WISMA PELAUT PULAU PINANG**

*This is to inform that the Marine Office located at Wisma Pelaut, 1A Lebu Light, 10200 Georgetown, Pulau Pinang will cease operating on **31st August 2016.***

Theafter, all services as provided by this Marine Office will be operating at new location as follows;

Pejabat Laut Pulau Pinang
Jabatan Laut Wilayah Utara
Jalan Akuarium
11700 Gelugor
Pulau Pinang
Tel: 04-6578494/9636
Faks: 04-6575521

- OPEN DAILY 0800-1700

(CAPT. HAJI ABDUL SAMAD BIN SHAIK OSMAN)
Pengarah Laut Wilayah Utara
Director of Marine, Northern Region

"Ke Arah Negara Kelautan Elektronik"
"Towards e-Maritime Nation"



Cert. No : MAS 101138 (B)